

Berjaga malam beri kucing jalanan makan



Sekumpulan remaja yang menyertai aktiviti memberi kucing jalanan makanan di pasar sekitar Kuala Terengganu.

» Sedia 4kg makanan setiap malam di sekitar Kuala Terengganu

Oleh Aslina Abu Bakar
bhkt@bh.com.my

► Kuala Terengganu

S anggup berjaga malam hanya untuk memberi makan kucing jalanan di sekitar bandar raya ini.

Demikian usaha sekumpulan anak muda tempatan yang mengambil inisiatif jarang dilakukan iaitu memberikan kucing jalanan makan pada setiap malam

ketika semua perniagaan di sini menamatkan operasi.

Jam 12 tengah malam setiap hari, kumpulan itu akan berkumpul dan bergerak ke dua tapak pasar tertentu dengan membawa makanan kucing berkhasiat untuk diberikan kepada kucing jalanan yang berkeliaran di sekitar pasar berkenaan.

Dapat perhatian

Keprihatinan mereka terhadap haiwan terbiar itu mula mendapat perhatian masyarakat luar, terutama peminat kucing selepas ia dimasukkan ke Facebook.

Malah, usaha murni itu juga berjaya mengumpulkan masyarakat yang berbeza latar belakang yang turut serta memberi sumbangan makanan kucing dan ada juga yang turun ke lapangan un-

tuk bergerak bersama-sama kumpulan itu.

Perintis usaha itu, Ayub Che Ngah, 28, dari Kampung Losong, yang juga seorang peniaga berkata idea memberi kucing jalanan makan itu timbul secara spontan ketika beliau dan rakan-rakan sedang bersantai.

"Selepas cadangan itu dilontarkan, kami ke pasar sekitar bandar raya Kuala Terengganu dengan membawa makanan untuk kucing jalanan ini.

"Kami memperoleh kepuasan berganda melihat puluhan kucing jalanan keluar apabila kami mengongcangkan makanan yang dibawa di dalam balang," katanya.

Ayub berkata, beliau memuat naik beberapa keping gambar aktiviti itu di laman Facebook dan ia mendapat perhatian dan disebar-



Illi memberi kucing jalanan makanan di pasar sekitar Kuala Terengganu.

(FOTO SYAHIRAH ABDULLAH/BH)

kan di laman Gabungan Anak Terengganu.

"Selepas ia tersebar, ramai yang menghubungi saya untuk bersama-sama menyertai kumpulan ini. Tidak kurang juga ada yang menawarkan sumbangan makanan kucing dan wang kepada kami.

Promosi dalam Facebook

"Setiap kali ingin mengadakan aktiviti ini, saya akan mempromosikannya di laman Facebook.

Jadi, sesiapa sahaja yang berminat boleh mengikuti kami secara sukarela," katanya yang menyediakan empat kilogram makanan kucing setiap kali aktiviti itu berlangsung.

Isterinya, Illi Liyana Ismail, 26, berkata aktiviti memberi kucing jalanan makan sudah dilakukan olehnya dan suami secara bersendirian sejak setahun lalu.

"Kami memang sangat meminati haiwan comel ini tetapi bilangannya terlalu banyak, kami tidak boleh membawa kucing ini pulang ke rumah.

"Jadi, kami mengambil inisiatif dengan memberi kucing makan setiap malam di pasar terpilih. Bagaimanapun, saya tidak sangka aktiviti ini semakin mendapat perhatian ramai," katanya.

Peniaga, Faridah Jusoh, 32, dari

Kampung Telaga Batin, Kuala Nerus berkata beliau akan membawa pulang kucing yang sakit terutama anak kucing untuk dirawat di rumahnya.

"Setiap kali turun menyertai aktiviti, kami akan menemui pelbagai jenis kucing, ada yang sihat dan ada juga yang sakit.

"Kasihlah melihat keadaan mereka, saya akan membawa mereka pulang untuk memberinya rawatan dan penjagaan yang lebih baik," katanya.

Muhammad Yusri Mohd Zafri, 20, dari Bukit Payung berkata beliau sangat teruja apabila ramai pencinta kucing berkumpul untuk memberi makan kepada haiwan comel itu.

"Pada mulanya saya melakukan aktiviti ini bersendirian di mana setiap kali ke pasar saya akan membeli makanan kucing.

"Apabila mula mengenali mereka melalui Kelab Pencinta Kucing Terengganu, saya mula mengikuti aktiviti ini dan mendapati ia cukup menyeronokkan dan memberi kepuasan kepada saya," katanya yang memelihara 12 ekor kucing di rumahnya.

Ikuti BH Plus
di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video